

Headline	<b>Akademik, kokurikulum perlu seiring</b>		
Date	<b>27. Mar 2008</b>	Language	<b>MALAY</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>	Page No	<b>23</b>
Section	<b>Pendidikan</b>	Article Size	<b>134 cm<sup>2</sup></b>
Circulation	<b>217920</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Readership	<b>2083000</b>	Color	<b>Full Color</b>



## Akademik, kokurikulum perlu seiring

**P**ELAJAR tahun akhir Universiti Putra Malaysia (UPM) diingatkan supaya mengekalkan kecemerlangan akademik dan kokurikulum ketika di universiti apabila menyertai alam pekerjaan.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, berkata ini kerana alam pekerjaan menuntut mereka menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan dan sumbangan diberikan bukan saja berkesan malah memberi faedah kepada masyarakat dan negara.

"Alam pekerjaan adalah cabaran sebenar yang perlu ditempuh semua pelajar universiti. Di situlah tempatnya segala ilmu, kemahiran serta kebolehan yang dipupuk ketika di universiti perlu ditonjolkan sepenuhnya.

"Pelajar juga tidak boleh hanya mengharapkan kecemerlangan di universiti untuk membawa mereka jauh dalam dunia kerjaya jika tidak

melipatgandakan usaha dan komitmen untuk memajukan diri," kata ny ketika berucap pada majlis makan malam meraikan pelajar tahun akhir Kolej Kediaman Kelima UPM, baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Dr Azali Mohamed dan Pengetua Kolej Kediaman Kelima, Tuan Syed Agil Al Sagoff.

Pada majlis itu, Nik Mustapha menyampaikan Anugerah Harmoni Emas kepada pelajar jurusan Bahasa dan Linguistik Melayu, Mohd Abdullah Ramli, kerana mencatat cemerlang akademik dan kokurikulum.

Mohd Abdullah bukan saja mengumpul pungutan nilai gred kumulatif (PNGK) 3.80 malah aktif dalam kokurikulum termasuk terpilih sebagai Presiden Kolej Kediaman Kelima, selain menyertai pelbagai aktiviti universiti.

**Saya yakin graduan UPM mampu memberi saingan hebat kepada graduan lain apabila menyertai kerjaya berikutnya pendedahan serta pengalaman diterima ketika di universiti"**

**Mohd Abdullah Ramli**  
*Penerima anugerah*